

02 MAY 2002

Mahathir-Pilihan raya

PAS TIADA HARAPAN MENANG PILIHAN RAYA AKAN DATANG, KATA DR M

JITRA, 2 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata PAS tidak mempunyai harapan untuk memenangi pilihan raya umum akan datang kerana sokongan orang Melayu kepada Umno kini kian meningkat.

PAS, katanya, yang mendakwa boleh menyapu bersih semua kerusi pada pilihan raya umum akan datang, hanya boleh bermimpi.

"Pada pilihan raya umum 1999, PAS memenangi 27 kerusi dan Umno 72 kerusi, tetapi PAS riuh sekampung seolah-olah dia dah menang semua kerusi," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika merasmikan secara serentak mesyuarat perwakilan Umno bahagian Kubang Pasu, Dewan Darul Qiyam, Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Nyior dan sistem pengurusan maklumat pengundi Kubang Pasu, kesemuanya di dewan Darul Qiyam sekolah itu, di sini.

Beliau berkata ada anggota PAS sendiri pun kini sudah menyertai Umno setelah mereka sedar PAS bukannya parti Islam sebenar.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata banyak orang Melayu telah sedar dan kembali kepada Umno dan menambah kata sokongan bukan Melayu kepada kerajaan juga kini semakin meningkat.

Bagaimanapun dalam masa Umno bergembira kerana ramai orang Melayu hendak memasuki parti, terdapat sikap kurang memuaskan di kalangan anggota Umno di peringkat pusat, bahagian dan cawangan, yang kurang senang dengan kemasukan mereka terutamanya golongan berpelajaran tinggi yang dikhuatiri akan menjejaskan kedudukan mereka.

"Anggota Umno yang sedia ada perlu mengikis sikap sedemikian demi kepentingan parti dan negara."

"Konsep pembaharuan Umno mestilah dengan kemasukan generasi muda kerana mereka bakal meneruskan perjuangan Umno yang tidak akan selesai dalam membangunkan negara," katanya.

Beliau berkata kemasukan generasi muda dalam Umno perlu diterima dengan tangan terbuka sekiranya anggota Umno yang sedia ada sayangkan Umno.

Kemasukan generasi muda dalam pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri Umno tidak perlu terganggu dan diganggu, kata Dr Mahathir.

Menceritakan pengalamannya, Dr Mahathir berkata beliau juga pernah dihalang daripada menyertai Umno disebabkan beliau bekerja sebagai seorang doktor dahulu kerana kepimpinan yang ada khuatir kedudukan mereka akan terjejas.

"Masa jual goreng pisang di Pekan Rabu (di Alor Setar) saya tak terfikir nak jadi wakil rakyat dan Perdana Menteri," katanya.

Oleh itu, janganlah taksub hendak menjadi Perdana Menteri. Jawatan Perdana Menteri hanya satu sahaja. Jangan taksub sehingga tubuh parti baru, fitnah dan panggil orang Firaun, katanya.

Beliau berkata Tuhan akan menentukan sama ada seseorang itu menjadi pemimpin atau sebaliknya.

Generasi muda yang menyertai Umno pula, katanya, perlu ikhlas berjuang untuk agama, bangsa dan negara.

Selepas itu, barulah mereka layak dipilih dan bukannya berebut jawatan tinggi dalam parti, katanya.

Dr Mahathir berkata usaha untuk menarik lebih ramai anggota Umno yang baru perlu ditingkatkan walaupun parti mensasarkan peningkatan keanggotaan sebanyak 10 peratus.

Presiden Umno itu juga berkata kepimpinan Umno di pelbagai peringkat

akan menjadi lemah jika trend pihak yang kalah dalam pemilihan serta penyokong mereka merajuk dan tidak lagi memberikan sokongan kepada pemimpin yang dipilih.

-- BERNAMA

JM HS PR